

Alkitab untuk Anak-anak
memperkenalkan

Putera
Dari
Sungai



Allah menunjuk kepada Tuhan dalam Alkitab.

Penulis: Edward Hughes

Digambar oleh: M. Maillot; Lazarus

Disadur oleh: M. Maillot; Sarah S; Alastair Paterson

Diterjemahkan oleh: Julie TY


Dihasilkan oleh: Bible for Children
www.M1914.org

©2021 Bible for Children, Inc.

Izin: Saudara mempunyai hak untuk membuat salinan atau
mencetak cerita ini selagi ia bukan dijual.



Perdana Menteri Yusuf
sudah mati! Semua
rakyat Mesir turut
bersedih bersama
keluarga Yusuf.




Allah telah menggunakan Yusuf orang Ibrani ini untuk menyelamatkan negara ini dari kebuluran.

Dia adalah seorang pemimpin yang bijak dan dikasihi. Sekarang dia telah tidak ada lagi.



Lebih tiga ratus tahun telah berlalu. Keturunan Yusuf, rakyat Ibrani, telah menjadi satu bangsa yang kuat di Mesir.



Firaun yang baru merasa takut kalau mereka menentang dia, jadi dia menjadikan mereka semua hamba.



Firaun menindas orang-orang Ibrani. Dia memaksa mereka membina bandar-bandar besar. Tetapi tidak kira berapa teruk paksaannya, hamba-hamba Ibrani terus bertambah banyak.




Suatu hari, satu perintah dahsyat datang dari Firaun. "Semua bayi lelaki Ibrani yang baru lahir harus dibuang ke dalam sungai Nil." Firaun yang jahat bertekad untuk mengurangi bilangan orang Ibrani sehingga mahu membunuh bayi-bayi!



"Apa yang boleh kita buat?" satu keluarga tertanyanya. Mereka memutuskan untuk meletakkan anak mereka di Sungai Nil. Tetapi dia akan diletakkan di dalam satu bakul yang kedap air.



Bakul kecil yang membawa penumpang berharga terapung-apung di antara rumpun air. Apa yang akan berlaku kepada bayi kecil itu?



Dari jauh, kakak bayi itu melihat bakul itu
dihanyutkan di antara rumpun air.



Tiba-tiba anak perempuan
Firaun dan dayangnya datang
ke sungai untuk mandi.



Tidak ada cara untuk menyembunyikan bakul itu. Mungkin mereka melaluinya tanpa menyedarinya.



"Oh! Satu bakul. Di sana, di antara rumpun-rumpun air. Apakah didalamnya?" Anak perempuan Firaun menyuruh dayangnya mengambil bakul itu. Apabila dia membukanya - bayi mula menangis. "Dia adalah seorang bayi Ibrani," puteri berseru.



"Kesiannya. Kamu begitu cantik." Mungkin cara anak perempuan Firaun bercakap dengan bayi sama seperti orang dewasa lain. Dia mungkin telah berkata "Ootchie-kootchie Koo-ums" - tentunya dalam bahasa Mesir.



Allah pasti telah memberikan kebijaksanaan khas kepada kakak bayi itu. Dia berlari kepada anak perempuan Firaun. "Patutkah aku mencari seorang wanita Ibrani untuk menjaga bayi untuk anda?" "Teruskan," jawab. Siapakah anda rasa yang akan dipanggil oleh gadis itu?



"Ibu! Datang cepat! Oh, cepat!" Mungkin gadis itu tidak mempunyai masa untuk menerangkannya. Mereka berdua berlomba ke pejalan kaki.



Kembali di sungai, anak perempuan Firaun beri bayi itu kepada ibu Ibrani. "Pelihara dia untuk saya. Saya akan membayar anda. Panggil dia Musa." Musa dalam Bahasa Mesir bererti anak air.



Musa telah kembali kepada ibu bapa dan rumahnya. Mereka mengajar dia mengasihi Allah dan orang-orang Ibrani.



Tidak lama kemudian dia akan hidup di dalam istana dengan anak perempuan Firaun. Allah yang menyelamatkan nyawanya, mempunyai masa depan yang besar yang dirancang untuk bayi Musa.



Putera Dari Sungai

satu cerita dari Firman Tuhan, Alkitab,

terdapat dalam

Keluaran 2

"Bila tersingkap, firman-firman-Mu memberi terang, memberi pengertian kepada orang-orang bodoh." Mazmur 119:130



TAMAT



Alkitab memberitahu kita tentang Allah kita yang hebat yang membentuk kita dan ingin kita mengenali Dia.

Allah tahu kita telah melakukan banyak perkara buruk yang dipanggil dosa. Hukuman bagi dosa adalah maut tetapi Allah sangat mengasihi kita. Dia telah mengutus AnakNya yang tunggal, Yesus, mati di kayu Salib dan dihukum kerana dosa-dosa kita. Kemudian Yesus bangkit dan hidup kembali; dan pulang ke syurga! Jika anda percaya kepada Yesus dan meminta Dia mengampuni dosa-dosa kamu, Dia akan melakukannya! Dia akan datang dan tinggal di dalammu sekarang, dan anda akan hidup bersamaNya untuk selama-lamanya.

Jika anda percaya ini adalah benar, katakan ini kepada Allah: Tuhan Yesus, saya percaya bahawa Anda adalah Allah, dan menjadi seorang manusia yang mati untuk dosa saya, dan kini Anda hidup sekali lagi. Sila datang ke dalam hidup saya dan mengampuni dosa saya, supaya saya dapat memiliki satu hidup baru, dan satu hari nanti akan ku bersama dengan Anda selama-lamanya. Bantu saya untuk mentaati Anda dan hidup sebagai anakMu. Amin.

Baca Alkitab dan berbicara dengan Allah setiap hari! Yohanes 3:16

